

B512
MAHATHIR-PAGAR
(1)

1981

IPOH, 29 OKT. (BERNAMA) — KERAJAAN BERSETUJU PADA DASARNYA UNTUK MEMANJANGKAN PAGAR KESELAMATAN SEMPADAN YANG SEDIA ADA DI SEPANJANG SEMPADAN MALAYSIA-THAI UNTUK MELIPUTI GARISAN SEMPADAN DI PERAK.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENYATAKAN DEMIKIAN DI SINI HARI INI MENAMBAH PAGAR TERSEBUT YANG BERTUJUAN MENGAWAL KEGIATAN MENYELUDUP DAN PENYUSUPAN OLEH PENGGANAS KOMUNIS DIDAPATI SANGAT BERKESAN.

SEJAK PAGAR ITU DIPASANG DI SEPANJANG SEMPADAN KEDAH-PERLIS-THAI, PIHAK KASTAM TELAH DAPAT MENINGKATKAN KUTIPAN CUKAI DENGAN BANYAKNYA.

+PERTAMBAHAN DALAM BENTUK KUTIPAN CUKAI TELAH MELEBIHI 1,000 PERATUS, + JELASNYA KEPADA PARA PEMBERITA DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI SINI PAGI INI DI AKHIR LAWATAN RASMINYA KE PERAK SELAMA DUA HARI.

PERDANA MENTERI BERKATA MEMANDANGKAN BERKESANNYA LANGKAH ITU, KERAJAAN BERPENDAPAT ADALAH BAIK UNTUK MEMANJANGKAN PAGAR-PAGAR ITU BAGI MELIPUTI SEMPADAN PERAK-THAI.

PERUNTUKAN BAGI PROJEK PEMANJANGAN PAGAR ITU YANG DIJANGKA BERHARGA \$10 JUTA AKAN DIBUAT SEBAIK SAHAJA KAJIAN AWAL TELAH SIAP, TAMBAHNYA. — BERSAMBUNG 1010/SZ

B513
MAHATHIR-PAGAR 2 IPOH

MENGENAI KEADAAN KESELAMATAN DI NEGERI ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN PADA UMUMNYA BERTAMBAH BAIK PADA SEPANJANG TAHUN INI BERBANDING DENGAN TAHUN SEBELUMNYA.

KEGIATAN PENGGANAS KOMUNIS JUGA BERKURANGAN DAN RAMAI DARIPADA MEREKA TELAH MENYERAH DIRI KEPADA PIHAK BERKUASA.

+KES-KES SEPERTI LETUPAN JERANGKAP SAMAR JUGA BERKURANGAN, + TAMBAHNYA.

+PADA AMNYA KEADAAN DI PERAK ADALAH TENANG DAN SELAMAT, + TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA KEADAN KESELAMATAN DI SEPANJANG LEBUHRAYA TIMUR-BARAT YANG SUDAH HAMPIR SIAP AKAN DIKAWAL RAPI BILA IA DIBUKA UNTUK KEGUNAAN RAMAI.

KATANYA PASUKAN KESELAMATAN AKAN DITEMPATKAN DI TEMPAT-TEMPAT STRATEGIK DAN JIKA PERLU RONDAAN-RONDAAN KHAS AKAN DIADAKAN. — BERSAMBUNG 1225/SZ

B514
MAHATHIR-PAGAR 3 IPOH

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN NEGERI ITU SEMALAM, MENYATAKAN PUASHATINYA DENGAN USAHA-USAHA PEMBANGUNAN WALAUPUN LEBIH BANYAK PERLU DILAKUKAN DARI SEGI PERLAKSANAAN.

KATANYA WANG BAGI BERBAGAI-BAGAI PROJEK SENTIASA ADA TETAPI JENTERA BAGI PERLAKSANAAN HENDAKLAH DIPERBAIKI LAGI.

DITANYA SAMA ADA BELIAU BERCADANG MELEPASKAN JAWATAN SEBAGAI KETUA PERHUBUNGAN UMNO PERAK, SEPERTI YANG DISEBUT-SEBUT, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA TIDAK LAMA LAGI.

+SAYA AKAN BERITAHU MAJLIS TERTINGGI UMNO SEBAIK SAHAJA SAYA MENGAMBIL KEPUTUSAN SAMA ADA UNTUK MELEPASKAN JAWATAN ITU, + TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA ENGGAN MENGULAS LAPORAN AKHBAR MENGENAI KEDUDUKAN MENTERI BESAR PAHANG HAJI ABDUL RAHIM ABU DAKAR.

+ANDA AKAN TAHU BILA TIBA MASANYA, + JELAS BELIAU. — BERNAMA 1230/SZ